



اَوْنُوْ سَیِّتِیْ تَیْکُوْ لُوْکِیْ مَیْاَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**BULETIN
UNIT RESIDENSI
& HOSPITALITI
PELAJAR**

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

JUALAN HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

EXCO PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

Pada 5 dan 6 April 2025, Exco Perniagaan dan Keusahawanan, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah mengadakan aktiviti jualan sempena hari pendaftaran pelajar baharu bertempat di kawasan pendaftaran. Aktiviti ini bertujuan untuk menjana dana dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan kepada pelajar baharu yang hadir mendaftar.



Antara perkara yang dijual sepanjang dua hari tersebut ialah air mineral, air kotak, dan dadih. Aktiviti jualan ini telah dijalankan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar serta ibu bapa. Hasil daripada jualan ini, Exco berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM112.64.

Aktiviti ini bukan sahaja membantu menambah tabung kewangan Exco, malah menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan ahli yang terlibat. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang aktiviti berlangsung. Semoga semangat ini dapat diteruskan dalam program-program yang akan datang.